

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8238

SOALAN:

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia berumur lebih daripada 100 tahun berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara mengikut pecahan kaum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik sehingga September 2015 oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), jumlah warganegara Malaysia yang berumur lebih daripada 100 tahun adalah seramai 43,599 orang. Pecahan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Kaum	Jumlah (Orang)
Melayu	2,671
Cina	36,251
India	2,570
Etnik Sabah	432
Etnik Sarawak	747
Orang Asli semenanjung	7
Lain-lain	921
Jumlah Keseluruhan	43,599

*Sumber: Jabatan Pendaftaran Negara
Tarikh Kemaskini: September 2015*